

31/01/1998

Nik Aziz bidas pemandu bahaya

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan perbuatan sesetengah penunggang motosikal yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya menyebabkan meningkatnya kemalangan setiap kali musim perayaan sebagai tindakan membunuh diri dan tidak menghargai nyawa.

Menurutnya, adalah berdosa dari segi hukum agama mereka yang tidak menjaga nyawa kerana perbuatan itu hampir sama dengan kesalahan membunuh diri.

Katanya, dalam Islam nyawa berada pada kedudukan tertinggi yang harus dipelihara sebaik mungkin, selain agama, keturunan dan harta benda.

Beliau mengakui sikap sesetengah penunggang motosikal yang membonceng terlalu laju menimbulkan banyak masalah di jalan raya.

"Mereka yang tidak mematuhi peraturan seperti tidak menghargai nyawa dan tidak sayangkan keluarga mereka.

"Malam tadi ketika di atas kereta, seorang pemuda memecut laju sehingga saya naik cemas melihatnya memotong kereta saya.

"Saya sangka sudah pasti berlaku kemalangan tetapi nasib baik dia terselamat, kelakuannya macam menunjuk-nunjuk," katanya kepada pemberita ketika ditemui sempena rumah terbuka di kediamannya di Kampung Pulau Melaka, dekat sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin yang melahirkan rasa kecewa berikutan sikap kebanyakan penunggang motosikal dan pemandu kereta yang memandu secara berbahaya, seolah-olah sengaja menempah maut.

Nik Abdul Aziz yakin sebahagian punca kemalangan itu berlaku disebabkan anak muda terpengaruh dengan gaya pelakon `stunt' melalui siaran televisyen mempamerkan babak menunggang secara berbahaya dan mencemaskan.

(END)